



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“BERWASPADA TERHADAP PENYELEWENGAN AKIDAH”

24 November 2023 / 10 Jamadil Awal 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Para Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; serta mengikhlaskan setiap amal. Hanya kepada Allah SWT jua kita bermohon semoga dipelihara daripada sebarang perkara syirik dan mungkar, mudah-mudahan ditetapkan iman dan istiqamah dalam ketaatan. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

“BERWASPADA TERHADAP PENYELEWENGAN AKIDAH”

Firman Allah SWT, ayat 15 surah Al-Hujurat:

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿١٥﴾ ﴾

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿١٥﴾ ﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang Mukmin yang sebenarnya ialah mereka yang beriman dengan Allah dan Rasul Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka di jalan Allah. Mereka itulah orang yang benar.

Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan meletakkan Islam sebagai agama utama negara Malaysia yang menjadi anutan kebanyakan penduduknya tanpa menafikan hak beragama kaum lain. Seiring dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi yang

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



melambangkan ketinggian serta keutamaannya, sudah semestinya kesucian agama Islam perlu dipelihara dan dipertahankan daripada sebarang bentuk penyelewengan yang menyimpang daripada hakikat kesucian yang sebenar demi kelangsungan keharmonian hidup yang telah dikecap selama ini.

Sidang Jemaah yang dimulihkan,

Akidah Islam yang benar ialah meyakini rukun iman yang enam berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta ikutan atau mazhab imam-imam akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang disepakati. Penyelewengan akidah dalam memahami agama seringkali berlaku kerana kesalahan menafsirkan al-Quran dan al-Sunnah tanpa mengikut kaedah yang betul. Kesannya muncul pelbagai ajaran baharu yang disifatkan sesat kerana didasari keyakinan syirik dan menyanggah keesaan Allah Azza Wajalla.

Mesyuarat diwakili menteri-menteri agama dari negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura telah memutuskan beberapa ciri ajaran yang menyimpang daripada Islam dan telah diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994 seperti berikut:

Pertama: Kepercayaan yang menyalahi tuntutan rukun Iman dan asas-asas akidah serta bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kedua: Mempertikaikan sumber utama syariat Islam seperti meragui kebenaran wahyu al-Quran dan menafikan kesahihan hadis yang diriwayatkan dari Rasulullah SAW.

Ketiga: Mendakwa diri sebagai Nabi, Imam Mahdi atau menerima wahyu sama ada secara peribadi atau pun berkumpulan.

Keempat: Meletakkan kedudukan agama Islam setaraf dengan agama-agama lain yang ada dan mempercayai ia wajar menjadi anutan kepada umat manusia.

Kelima: Sikap taasub mendewakan diri sendiri atau pemimpin dilengkapi dengan ciri sebagai ahli syurga, penebus dosa serta mempunyai keistimewaan khusus sekali pun melanggar batasan syarak.



Keenam: Mereka cipta pelbagai hukum baharu yang bertentangan dengan maqasid syariah dan tidak disandarkan kepada sumber hukum yang disepakati serta menafikan kewajipan pelbagai jenis ibadah fardu.

Para Jemaah Rahimakumullah,

Ciri kesesatan yang paling merbahaya dan merosakkan kejernihan akidah apabila ia lahir dalam bentuk menyekutukan Allah secara sedar atau tidak sedar. Pengaruhnya amat membimbangkan kerana ia boleh menyasarkan perjalanan hidup ummah sehingga membawa kepada kesesatan yang amat merugikan. Sabda Rasulullah SAW:

أَكْبَرُ الْكَبَائِرِ الْإِشْرَاقُ بِاللَّهِ

Bermaksud: Sebesar-besar dosa adalah menyekutukan (sesuatu) kepada Allah.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Mimbar menyeru ummah agar berwaspada dengan kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang telah bertapak di negeri ini, di mana Jawatankuasa Syariah Negeri Perak atau lebih dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah memutuskan ajaran mereka sebagai sesat dan menyeleweng daripada agama Islam yang sebenar, di antaranya:

Pertama: Ajaran SiHulk yang mendakwa bahawa Nabi Muhammad SAW adalah Tuhan dan Baginda merupakan seorang yang tidak mempunyai jantina iaitu bukan lelaki dan juga bukan perempuan. Fahaman ajaran ini sebenarnya menyalahi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan sesat lagi menyesatkan. Mereka licik mengambil kesempatan dengan mempergunakan alasan agama apabila menjual sejenis ubat yang didakwa boleh merawat pelbagai penyakit.

Kedua: Ajaran Allah Muhammad, Muhammad Allah (AMMA) yang didapati bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Mereka telah menterjemahkan kalimah syahadah mengikut kefahaman mereka sendiri dan bercanggah dengan terjemahan yang sepatutnya. Mereka juga berkeyakinan bahawa ayat-ayat al-Quran tidak tepat penulisannya kerana ia ditulis pada kulit-kulit dan tulang binatang. Mereka turut berkeyakinan bahawa Nabi SAW tidak pernah dilantik sebagai Rasul dan tidak menerima apa-apa wahyu daripada Allah SWT.



Jemaah yang dihormati,

Ajaran sesat dan menyeleweng daripada akidah yang benar ini akan memberi kesan yang buruk dalam pelbagai segi kehidupan. Ambillah iktibar daripada kesesatan Bani Israel yang telah diselamatkan oleh Nabi Musa AS dari perhambaan dan penderaan yang dilakukan Firaun ke atas mereka. Bani Israel telah melihat sendiri mukjizat kebenaran Nabi Musa apabila Baginda berupaya membelah Laut Merah untuk menyelamatkan mereka dari Firaun. Malangnya, mereka tetap dengan sikap untuk tidak mengikuti dakwah Nabi Musa AS dengan menyembah anak lembu dan mengubah isi kandungan kitab Taurat. Akhirnya perbuatan menafikan keesaan Allah dan kerasulan Nabi Musa telah menjadikan mereka kaum yang dilaknat oleh Allah SWT.

Kesesatan akan melorongkan kehidupan ke arah yang lebih sukar. Pengikut kepada ajaran sesat diberi ancaman dengan dosa besar. Mereka juga akan menghadapi risiko ditipu, diperalatkan, kehilangan wang ringgit, kerahan tenaga di atas alasan ketaatan dan kesetiaan kepada pemimpinnya. Kewujudan ajaran sesat juga boleh menimbulkan kerisauan dan mengganggu kestabilan ummah dan berpotensi untuk menggugat keselamatan negara. Justeru, mimbar menasihati ummah agar sentiasa berhati-hati dan lakukan tindakan yang dapat menghindarkan diri daripada kesesatan, di antaranya:

Pertama: Mendalami ilmu tauhid berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi tunjang dalam pembentukan jati diri agar tidak mudah terpengaruh dan terjebak ke dalam kumpulan-kumpulan ajaran seperti ini.

Kedua: Rujuk pihak berkuasa agama sekiranya ragu-ragu terhadap mana-mana pihak yang cuba mempengaruhi ummah untuk mengikuti ajaran mereka. **Ketiga:** Segera bertaubat dan memohon keampunan Allah SWT sekiranya diri telah terjebak dengan pengaruh ajaran sesat dan segeralah kembali kepada ajaran agama yang sebenar.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing kehidupan kami agar percakapan, perlakuan dan tindakan senantiasa berpaksikan fahaman Islam yang sebenar. Jauhi kami dan ahli keluarga kami dari terlibat dengan mana-mana ajaran sesat yang merosakkan. Kekalkan nikmat keamanan

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



dan kemakmuran kepada negara kami agar kami hidup harmoni dan saling hormat menghormati.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.